

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK TEORI NILAI AKAL BUDI DALAM KAJIAN SASTERA

(A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW OF CULTURAL VALUE ORIENTATION THEORY IN LITERARY STUDIES)

MAJID, W. B. A.^{1*} – ZAKARIA, M. Z.¹ – AHMAD, N.¹

¹ *Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: wanbasyiraham[at]gmail.com*

(Received 21st May 2026; revised 29th June 2026; accepted 08th July 2026)

Abstrak. Kajian berkaitan akal budi dalam karya sastra memperlihatkan perbincangan yang pelbagai dari sudut istilah, teori, kaedah dan bahan kajian. Kepelbagaian ini menunjukkan bahawa kajian lepas perlu disusun semula secara sistematik supaya pola kaedah, kerangka analisis dan kelompangan kajian dapat dikenal pasti dengan lebih jelas. Penulisan ini bertujuan menganalisis kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam meneliti nilai akal budi, serta meneliti teori dan kerangka analisis yang digunakan di samping merumuskan kelompangan penyelidikan yang masih wujud. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik melalui analisis dokumen. Carian kajian lepas dilakukan melalui Google Scholar dan Mendeley berdasarkan kata kunci seperti “akal budi”, “nilai budaya”, “teori orientasi nilai”, “cultural value”, “literary works” dan “Kluckhohn”. Sebanyak sembilan kajian teras antara tahun 2018 hingga 2021 dikenal pasti berdasarkan kriteria pemilihan yang telah ditetapkan. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan kajian terdahulu menggunakan pendekatan kualitatif, analisis deskriptif, analisis dokumen dan analisis kandungan. Dari sudut teori, kajian terdahulu memanfaatkan Teori Orientasi Nilai Kluckhohn dan Strodbeck, sistem normatif, konsep budaya Islam dan beberapa kerangka budaya lain. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelompangan dari aspek takrif operasi, prosedur analisis dan bahan kajian, khususnya teks agama seperti kisah dalam al-Quran yang belum banyak dianalisis secara sistematik dari perspektif orientasi nilai akal budi.

Katakunci: *tinjauan literatur sistematik, akal budi, teori orientasi nilai, nilai budaya, karya sastra*

Abstract. Studies on cultural values in literary works show diverse discussions in terms of terminology, theory, method and research materials. Such diversity indicates the need to reorganise previous studies systematically so that the patterns of method, analytical framework and research gaps can be identified more clearly. This paper aims to analyse the methods or approaches used by previous researchers in examining cultural values, and to examine the theories and analytical frameworks employed while formulating the remaining research gaps. This study applies a systematic literature review method through document analysis. Previous studies were searched through Google Scholar and Mendeley using keywords such as “akal budi”, “nilai budaya”, “teori orientasi nilai”, “cultural value”, “literary works” and “Kluckhohn”. A total of nine core studies published between 2018 and 2021 were identified based on predetermined selection criteria. The findings show that most previous studies employed qualitative approaches, descriptive analysis, document analysis and content analysis. In terms of theory, previous studies utilised Kluckhohn and Strodbeck’s Value Orientation Theory, normative systems, Islamic cultural concepts and other cultural frameworks. Nevertheless, gaps remain in terms of operational definitions, analytical procedures and research materials, particularly religious texts such as Qur’anic narratives, which have not been widely analysed systematically from the perspective of cultural value orientation.

Keywords: *systematic literature review, cultural values, value orientation theory, literary works*

Pengenalan

Bahasa merupakan wahana penting yang menghubungkan pemikiran, pengalaman dan budaya sesuatu masyarakat. Melalui bahasa, sesuatu masyarakat menyampaikan nilai, norma, pandangan hidup dan cara berfikir yang membentuk identiti mereka. Jafri (2020) menjelaskan bahawa bahasa merupakan salah satu sistem budaya yang berfungsi sebagai alat perhubungan dalam proses pembentukan dan perkembangan kebudayaan. Oleh itu, bahasa bukan sahaja menyampaikan makna literal, malah turut membawa nilai tersirat yang berkait rapat dengan akal budi masyarakat. Dalam kajian sastra, akal budi sering dikaitkan dengan nilai, adab, pandangan hidup, pegangan agama, hubungan sosial dan kebijaksanaan masyarakat dalam menanggapi kehidupan. Karya sastra seperti cerpen, hikayat, novel, tradisi lisan dan teks naratif menjadi ruang penting untuk meneliti nilai tersebut kerana karya sastra merakamkan pengalaman manusia serta memaparkan hubungan manusia dengan Tuhan, alam, masyarakat dan dirinya sendiri. Sehubungan itu, analisis akal budi tidak wajar terhenti pada penceritaan semula dapatan kajian lepas, sebaliknya perlu memperlihatkan pola teori, kaedah analisis dan kelompangan kajian secara kritis.

Dalam konteks kajian Islam pula, al-Quran mempunyai kedudukan yang istimewa sebagai kalam Allah dan sumber utama pedoman hidup umat Islam. Walaupun al-Quran tidak boleh disamakan dengan karya sastra biasa, teks al-Quran mempunyai keindahan bahasa, kekuatan naratif dan nilai pengajaran yang tinggi. Kajian terhadap kisah-kisah dalam al-Quran boleh dikembangkan melalui pendekatan bahasa, balaghah, pragmatik dan analisis nilai dengan tetap memelihara kedudukan al-Quran sebagai wahyu. Oleh itu, tinjauan literatur sistematik terhadap kajian akal budi dalam karya sastra diperlukan sebagai asas untuk memahami pola kajian terdahulu sebelum kerangka tersebut diperluas kepada kajian teks agama. Permasalahan utama yang mendorong penulisan ini ialah sifat kajian terdahulu tentang akal budi yang masih berbeza dari sudut konsep, teori, kaedah dan bahan kajian. Sebahagian kajian menumpukan akal budi sebagai budaya masyarakat, sebahagian yang lain melihatnya sebagai nilai normatif, identiti sosial, unsur agama atau orientasi nilai yang membentuk tindakan manusia. Perbezaan ini menunjukkan bahawa istilah akal budi belum selalu digunakan secara seragam, lalu menimbulkan keperluan untuk meninjau kembali cara konsep tersebut difahami dan dianalisis dalam kajian-kajian lepas.

Selain itu, sorotan literatur dalam kajian sastra kadang-kadang cenderung bersifat naratif, iaitu menceritakan semula latar belakang, kaedah dan dapatan kajian terdahulu satu demi satu tanpa menghubungkannya dengan objektif, persoalan kajian dan kerangka analisis yang jelas. Bagi sebuah artikel tinjauan literatur sistematik, penulisan sebegini kurang memadai kerana SLR perlu memperlihatkan proses pemilihan kajian, kriteria saringan, pola dapatan, perbandingan teori dan rumusan kelompangan. Justeru, permasalahan kajian ini bukan semata-mata pada kekurangan kajian nilai dalam al-Quran, tetapi pada keperluan menyusun semula literatur akal budi secara lebih sistematik. Bertitik tolak daripada latar perbincangan tersebut, artikel ini menggariskan dua objektif utama. Pertama, menganalisis pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam meneliti nilai akal budi. Kedua, meneliti teori serta kerangka analisis yang diaplikasikan dalam kajian berkaitan akal budi di samping merumuskan kelompangan kajian yang masih wujud sebagai asas kepada penyelidikan lanjutan, khususnya yang melibatkan teks agama seperti kisah dalam al-Quran. Sehubungan itu, artikel ini memfokuskan kepada dua persoalan kajian, iaitu analisis terhadap pendekatan yang digunakan dalam kajian-kajian terdahulu berkaitan nilai akal budi, serta penelitian

terhadap teori dan kerangka analisis yang digunakan dalam kajian akal budi termasuk kelompangan kajian dari aspek bahan kajian, teori dan kaedah analisis.

Sorotan kajian

Akal budi merupakan konsep yang luas dan sering digunakan untuk menggambarkan kebijaksanaan, nilai, pandangan hidup serta cara sesuatu masyarakat menanggapi hubungan antara manusia dengan Tuhan, alam, masyarakat dan diri sendiri. Dalam konteks sosiolinguistik, Md. Zahidul Islam (2020) menjelaskan bahawa budaya atau akal budi dapat difahami sebagai tingkah laku yang dipelajari dan disebarkan melalui bahasa serta hubungan sosial. Pandangan ini menunjukkan bahawa bahasa dan akal budi saling berkait kerana nilai masyarakat banyak terserlah melalui ungkapan, naratif dan penggunaan bahasa. Kajian tentang nilai akal budi dalam karya sastra pula memperlihatkan kecenderungan untuk membaca nilai melalui pola hubungan manusia. Teuku Mahmud (2020), misalnya, meneliti nilai budaya dalam Hikayat Banta Amat dan membahagikannya kepada hubungan manusia dengan Tuhan, alam sekitar, manusia lain, masyarakat dan diri sendiri. Armet et al. (2021) pula meneliti cerpen Banun karya Damhuri Muhammad menggunakan kerangka Kluckhohn dan Strodtbeck, lalu menemukan nilai yang berkaitan dengan hakikat kehidupan manusia, kedudukan manusia dalam waktu dan hubungan manusia dengan alam. Kajian-kajian ini memperlihatkan bahawa teks sastra dapat menjadi medan penting untuk memahami orientasi nilai sesebuah masyarakat. Selain itu, Saraswathy Pormalu @ Perumal (2018) menggunakan sistem normatif untuk meneliti nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen. Sistem normatif merujuk kepada kerangka nilai yang menilai tindakan manusia berdasarkan norma, peraturan sosial, adat, etika dan jangkaan masyarakat. Perbezaannya dengan teori orientasi nilai akal budi ialah sistem normatif lebih menekankan norma yang mengatur tingkah laku, manakala teori orientasi nilai menumpukan orientasi asas masyarakat terhadap kehidupan, kerja, waktu, alam dan hubungan sosial. Kedua-duanya boleh saling melengkapi, tetapi perbezaan ini perlu dinyatakan supaya analisis nilai tidak menjadi kabur. Dari sudut teori, kajian ini berpandukan konsep orientasi nilai yang diasaskan oleh Kluckhohn (1951) dan dikembangkan oleh Kluckhohn dan Strodtbeck (1961). Teori ini menjelaskan bahawa setiap masyarakat berhadapan dengan persoalan asas kehidupan dan membentuk orientasi nilai tertentu untuk mentafsir hubungan manusia dengan kehidupan, kerja, waktu, alam dan kelompok sosial. Dalam kajian sastra, teori ini dapat digunakan untuk mengenal pasti cara teks menggambarkan pandangan hidup, pilihan moral dan hubungan sosial sesuatu masyarakat (*Jadual 1*).

Jadual 1. Orientasi nilai akal budi.

Dimensi akal budi	Orientasi 1	Orientasi 2	Orientasi 3
Hakikat kehidupan manusia	Hidup itu buruk	Hidup itu baik	Hidup itu buruk, tetapi manusia perlu berusaha menjadikannya lebih baik
Hakikat hubungan manusia dengan kerja	Kerja untuk menyara kehidupan	Kerja untuk kedudukan dan prestasi	Berusaha untuk mencapai matlamat dan tujuan
Hakikat hubungan manusia dengan waktu	Orientasi masa lalu	Orientasi masa kini	Orientasi masa hadapan
Hakikat hubungan manusia dengan alam	Manusia berusaha mengawal alam	Manusia mencari keseimbangan dengan alam	Manusia tunduk kepada alam
Hakikat hubungan manusia sesama kelompok	Individualistik	Kolateral atau berasaskan kelompok setara	Vertikal atau berasaskan hierarki

Sumber: Kluckhohn (1951) dan Kluckhohn dan Strodtbeck (1961).

Berdasarkan dimensi tersebut, teori orientasi nilai membolehkan pengkaji meneliti teks bukan sekadar dari sudut tema, tetapi juga dari sudut cara sesuatu teks membina pandangan tentang kehidupan, tanggungjawab, masa, alam dan hubungan manusia. Walau bagaimanapun, teori yang luas seperti ini menuntut takrif operasi yang jelas supaya setiap nilai yang dikenal pasti dapat dipadankan dengan kategori analisis secara meyakinkan. Secara keseluruhan, sorotan awal menunjukkan bahawa kajian akal budi telah berkembang dalam pelbagai arah, sama ada sebagai konsep budaya, nilai normatif, sistem sosial atau orientasi nilai. Namun, kajian-kajian tersebut masih perlu dibaca secara sistematik bagi melihat kaedah yang digunakan, teori yang dipilih dan ruang kajian yang belum diterokai. Hal ini menjadi asas kepada pelaksanaan tinjauan literatur sistematik dalam penulisan ini.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik sebagai metodologi penyelidikan dengan meneliti, membaca, menganalisis dan mensintesis kajian-kajian yang telah diterbitkan sebelum ini. Kaedah ini dipilih kerana tinjauan literatur sistematik membolehkan pengkaji mengenal pasti bahan kajian secara lebih tersusun, memilih kajian berdasarkan kriteria tertentu dan merumuskan dapatan secara tematik. Dalam konteks penulisan ini, SLR digunakan untuk memetakan pola kajian akal budi dari sudut kaedah analisis, teori, kerangka dan kelompangan penyelidikan. Pelaporan kajian ini dipandu secara umum oleh prinsip PRISMA 2020 yang menekankan ketelusan dalam proses pengenalan, saringan, kelayakan dan pemilihan bahan kajian (Page et al., 2021). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menjalankan meta-analisis kerana bahan kajian yang diteliti bersifat kualitatif, konseptual dan berbeza dari sudut teks serta kerangka teori. Oleh itu, sintesis dapatan dilakukan secara tematik dan deskriptif. Carian literatur dilakukan melalui pangkalan data Google Scholar dan Mendeley. Kata kunci yang digunakan merangkumi gabungan istilah bahasa Melayu, Indonesia dan Inggeris seperti “akal budi”, “nilai budaya”, “teori orientasi nilai”, “cultural value”, “value orientation”, “literary works”, “Kluckhohn”, “Kluckhohn and Strodtbeck”, “cerpen”, “hikayat” dan “karya sastra”. Tempoh carian difokuskan kepada bahan yang diterbitkan antara tahun 2018 hingga 2021 kerana tempoh ini meliputi kajian terkini yang dirujuk dalam artikel ini, termasuk kajian konseptual dan kajian aplikasi terhadap teks sastra. Bilangan kajian dalam SLR tidak ditentukan secara mutlak, sebaliknya bergantung kepada objektif, persoalan kajian, strategi carian dan kriteria kelayakan yang ditetapkan. Dalam kajian ini, sembilan kajian teras dikenal pasti sebagai bahan analisis kerana kajian-kajian tersebut secara langsung membincangkan konsep akal budi, nilai budaya, teori orientasi nilai atau aplikasi nilai dalam teks sastra dan budaya. Kajian tambahan yang berkaitan digunakan sebagai sokongan konseptual dan rujukan teori. Kriteria pemilihan kajian lepas adalah seperti *Jadual 2*.

Jadual 2. Kriteria pemilihan kajian lepas.

Kriteria	Kelayakan	Penyisihan
Bahasa	Bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris	Selain tiga bahasa tersebut
Tempoh masa	Kajian diterbitkan antara tahun 2018 hingga 2021	Kajian di luar tempoh tersebut, kecuali rujukan teori asas
Jenis literatur	Artikel jurnal, tesis, disertasi dan laporan akademik	Tulisan popular, laman blog tanpa asas akademik dan

	yang mempunyai maklumat objektif, kaedah dan dapatan	bahan berulang
Fokus kajian	Kajian yang membincangkan akal budi, nilai budaya, orientasi nilai, teori budaya atau aplikasi nilai dalam teks sastra/budaya	Kajian yang hanya menyebut istilah budaya tanpa analisis nilai atau kerangka yang relevan
Kaedah sintesis	Dapatan disusun secara tematik berdasarkan kaedah analisis, teori/kerangka dan kelompangan kajian	Bahan yang tidak dapat menyumbang kepada persoalan kajian

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Hasil penelitian terhadap sembilan kajian teras menunjukkan bahawa perbincangan kajian lepas tentang akal budi dapat dirumuskan kepada dua pokok utama. Pertama, kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam menganalisis nilai akal budi. Kedua, teori dan kerangka analisis yang digunakan serta kelompangan kajian yang masih wujud. Perbincangan ini disusun mengikut persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam bahagian pengenalan.

Kaedah analisis nilai akal budi dalam kajian terdahulu

Secara umumnya, kajian terdahulu yang meneliti nilai akal budi banyak menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah yang paling kerap digunakan ialah analisis deskriptif, analisis dokumen dan analisis kandungan. Corak ini dapat dilihat dalam kajian Armet et al. (2021), Md. Zahidul Islam (2020), Teuku Mahmud (2020) dan Saraswathy Pormalu @ Perumal (2018). Pemilihan pendekatan kualitatif adalah sesuai kerana nilai akal budi lazimnya ditafsirkan melalui teks, konteks, makna tersirat dan hubungan antara watak, masyarakat serta persekitaran budaya. Md. Zahidul Islam (2020), misalnya, meneliti akal budi dari perspektif sosiolinguistik dengan memberi perhatian kepada hubungan antara budaya, bahasa dan masyarakat. Kajian ini lebih bersifat konseptual dan deskriptif kerana tumpuannya adalah untuk menilai semula definisi budaya serta menjelaskan cara budaya mencerminkan masyarakat. Teuku Mahmud (2020) pula menganalisis Hikayat Banta Amat dengan mengenal pasti nilai budaya berdasarkan lima pola hubungan, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, alam sekitar, manusia lain, masyarakat dan diri sendiri. Armet et al. (2021) menggunakan analisis deskriptif terhadap cerpen Banun karya Damhuri Muhammad. Nilai budaya dalam cerpen tersebut dianalisis berdasarkan dimensi Teori Orientasi Nilai Kluckhohn dan Strodtbeck, khususnya hakikat kehidupan manusia, kedudukan manusia dalam waktu dan hubungan manusia dengan alam. Kajian Saraswathy Pormalu @ Perumal (2018) pula menggunakan analisis teks untuk meneliti nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen dengan menjadikan sistem normatif sebagai asas analisis. Walaupun pendekatan kualitatif dan deskriptif sesuai untuk kajian nilai, terdapat beberapa perkara yang masih boleh diperkemas. Sebahagian kajian tidak menjelaskan secara terperinci prosedur pengekodan, cara kategori nilai dibina atau bagaimana bukti teks dipadankan dengan dimensi teori. Hal ini menunjukkan bahawa kajian akal budi memerlukan jadual kod, takrif operasi dan hubungan yang jelas antara petikan teks dengan kategori analisis. Keperluan ini menjadi lebih penting jika bahan kajian melibatkan teks agama seperti al-Quran kerana analisis perlu mengambil kira konteks tafsir, balaghah, pragmatik dan adab terhadap teks wahyu (*Jadual 3*).

Jadual 3. Kajian berkaitan kaedah analisis nilai akal budi.

No.	Kajian	Bahan/Fokus	Metode	Rumusan dapatan
1	Md. Zahidul Islam (2020)	Konsep budaya sebagai refleksi	Kualitatif; analisis deskriptif	Akal budi difahami sebagai tingkah laku yang

		masyarakat		dipelajari dan disebarkan melalui bahasa serta hubungan sosial.
2	Teuku Mahmud (2020)	Hikayat Banta Amat Jilid I dan II	Kualitatif; analisis deskriptif	Nilai budaya dikenal pasti melalui hubungan manusia dengan Tuhan, alam, manusia lain, masyarakat dan diri sendiri.
3	Armet et al. (2021)	Cerpen Banun karya Damhuri Muhammad	Kualitatif; analisis deskriptif	Nilai dianalisis berdasarkan dimensi kehidupan, waktu dan hubungan manusia dengan alam.
4	Saraswathy Pormalu @ Perumal (2018)	Antologi cerpen Tamil	Kualitatif; analisis teks	Nilai budaya diuraikan melalui norma sosial, adat, etika dan struktur masyarakat.

Teori, kerangka analisis dan kelompangan kajian

Dari sudut teori dan kerangka analisis, kajian-kajian terdahulu memperlihatkan penggunaan pendekatan yang pelbagai. Teori Orientasi Nilai Kluckhohn dan Strodtbeck (1961) merupakan antara kerangka yang sering dirujuk kerana teori ini menyediakan dimensi asas tentang hubungan manusia dengan kehidupan, kerja, waktu, alam dan masyarakat. Kerangka ini digunakan secara langsung oleh Armet et al. (2021) dan turut dibincangkan dalam kajian konseptual oleh Yeganeh (2021), Antoci (2019), Boroch (2018) dan Rybak (2018). Kajian Antoci (2019) memberi perhatian kepada konsep moden orientasi nilai dengan menekankan bahawa struktur nilai perlu diteliti secara multidimensi. Kajian ini penting kerana ia menunjukkan bahawa nilai tidak boleh dilihat sebagai unsur tunggal, sebaliknya berkait dengan sistem personaliti, sosiologi, pedagogi dan psikologi. Yeganeh (2021) pula menghubungkan pertuturan dan penulisan dengan dimensi nilai budaya, termasuk orientasi masa, kolektivisme, hierarki dan tradisionalisme. Kajian tersebut membuktikan bahawa teori orientasi nilai boleh digunakan secara luas merentas bidang komunikasi, bahasa dan budaya. Selain teori Kluckhohn dan Strodtbeck, terdapat juga kajian yang menggunakan kerangka lain seperti konsep budaya Islam, sistem normatif, teori komunikasi Hall dan kerangka nilai Inglehart. Kepekabagaian teori ini memperlihatkan bahawa akal budi ialah konsep yang bersifat antara bidang. Namun, kepekabagaian tersebut juga mewujudkan cabaran kerana pengkaji perlu menjelaskan sebab pemilihan teori, batas kategori dan cara teori digunakan dalam analisis teks. Tanpa penjelasan tersebut, dapatan kajian mudah menjadi terlalu umum atau hanya bersifat deskriptif. Berdasarkan penelitian ini, terdapat beberapa kelompangan utama dalam kajian terdahulu. Pertama, kelompangan konsep, iaitu istilah akal budi, budaya, nilai budaya dan sistem normatif kadang-kadang digunakan secara bertindih tanpa takrif operasi yang jelas. Kedua, kelompangan teori, iaitu tidak semua kajian menjelaskan sebab pemilihan teori dan cara dimensi teori diaplikasikan kepada data teks. Ketiga, kelompangan metodologi, iaitu kebanyakan kajian masih kurang memperincikan prosedur saringan, pengekodan dan sintesis dapatan. Keempat, kelompangan bahan kajian, iaitu kajian banyak tertumpu pada cerpen, hikayat, novel dan tradisi masyarakat, manakala teks agama seperti kisah-kisah dalam al-Quran masih kurang diteliti secara sistematik dari sudut orientasi nilai akal budi. Kelompangan ini menunjukkan bahawa kajian lanjutan boleh memberi tumpuan kepada pembinaan kerangka analisis yang lebih jelas. Misalnya, kajian terhadap kisah dalam Surah al-Kahfi boleh menggunakan dimensi Kluckhohn dan Strodtbeck sebagai kategori asas, kemudian disesuaikan dengan tafsiran, konteks ayat dan nilai Islam

supaya analisis tidak terpisah daripada kedudukan al-Quran sebagai wahyu. Dengan cara ini, kajian nilai akal budi tidak hanya menjadi sorotan deskriptif, tetapi dapat menyumbang kepada pembentukan kerangka analisis yang lebih tersusun dan boleh dipertanggungjawabkan (*Jadual 4*).

Jadual 4. Kajian berkaitan teori, kerangka analisis dan kelompangan.

No.	Kajian	Kerangka	Sumbangan	Kelompangan yang berkaitan
1	Boroch (2018)	Antropologi budaya; Kluckhohn	Menjelaskan asas semantik dan teori budaya sebagai dasar pemahaman konsep akal budi.	Masih bersifat konseptual dan belum diaplikasikan secara khusus pada teks sastra atau teks agama.
2	Muhammad Takari (2018)	Konsep budaya Islam	Menunjukkan budaya dalam Islam berkait dengan adab, ummah, tamadun dan sistem nilai berpaksikan agama.	Memerlukan hubungan yang lebih jelas dengan teori orientasi nilai dalam analisis teks.
3	Antoci (2019)	Orientasi nilai; Kluckhohn dan teori lain	Menekankan keperluan memahami struktur orientasi nilai secara multidimensi.	Belum memperincikan aplikasi kategori nilai kepada bahan sastra tertentu.
4	Yeganeh (2021)	Kluckhohn & Strodtbeck, Hall, Inglehart	Menghubungkan mod komunikasi dengan nilai budaya seperti hierarki, kolektivisme dan orientasi masa.	Lebih tertumpu kepada komunikasi dan belum meneliti naratif agama.
5	Rybak (2018)	Orientasi nilai budaya	Menunjukkan orientasi nilai boleh digunakan untuk mengenal pasti ciri masyarakat melalui cerita, filem dan sistem sosial.	Perlu dikembangkan kepada genre dan tradisi teks yang lebih khusus.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penyelidikan berkaitan nilai akal budi dalam sastra telah berkembang melalui pelbagai pendekatan, namun masih memerlukan penyusunan yang lebih sistematik. Dari sudut kaedah, kebanyakan kajian terdahulu menggunakan pendekatan kualitatif, analisis deskriptif, analisis dokumen dan analisis kandungan. Kaedah ini sesuai untuk menafsirkan nilai yang hadir dalam teks, namun prosedur pengkodan, takrif operasi dan bukti analisis masih perlu diperincikan dengan lebih jelas. Dari sudut teori, Teori Orientasi Nilai Kluckhohn dan Strodtbeck (1961) merupakan antara kerangka yang sesuai untuk meneliti akal budi kerana teori ini menyediakan dimensi asas tentang hubungan manusia dengan kehidupan, kerja, waktu, alam dan masyarakat. Walau bagaimanapun, teori ini perlu diaplikasikan secara berhati-hati supaya setiap kategori nilai mempunyai batas analisis yang jelas. Sistem normatif, konsep budaya Islam dan kerangka budaya lain juga boleh digunakan, tetapi perbezaannya dengan teori orientasi nilai perlu diterangkan agar analisis tidak bercampur secara kabur. Kelompangan utama yang dikenal pasti ialah kekurangan kajian yang menyusun hubungan antara teori, kaedah dan bahan kajian secara sistematik, serta kekurangan kajian yang meneliti teks agama seperti kisah-kisah dalam al-Quran melalui kerangka orientasi nilai akal budi. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan agar membangunkan kerangka analisis yang menggabungkan teori orientasi nilai, tafsir, balaghah dan analisis teks supaya nilai akal budi dapat diuraikan dengan lebih tepat, tersusun dan sesuai dengan konteks Islam.

Penghargaan

Pengarang merakamkan penghargaan kepada penyelia dan pihak yang telah memberikan pandangan serta bimbingan dalam penambahbaikan penulisan artikel ini. Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- [1] Antoci, D. (2019): The modern concept of value orientation. – *Advances in Education Sciences* 1(1): 67-84.
- [2] Armet, Atsari, L., Septia, E. (2021): Perspektif nilai budaya dalam cerpen Banun karya Damhuri Muhammad. – *Disastra: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia* 3(2): 174-183.
- [3] Boroch, R. (2018): Anthropological theory of culture – research report. – *Tomsk Journal of Linguistics and Anthropology* 2(20): 120-126.
- [4] Jafri, M.I.I. (2020): Bahasa dan pemikiran Shahnon Ahmad dalam pembinaan jati diri Melayu melalui kumpulan cerpen: Tonil Purbawara. – *International Journal of Islamic Philosophy & Sufism* 1(1): 1-17.
- [5] Kluckhohn, C. (1951): Values and value-orientations in the theory of action: An exploration in definition and classification. – In: Parsons, T., Shils, E.A. (eds.) *Toward a General Theory of Action*. Harvard University Press, Cambridge 46p.
- [6] Kluckhohn, F.R., Strodtbeck, F.L. (1961): *Variations in Value Orientations*. – Row, Peterson and Company, Evanston, Illinois 437p.
- [7] Md. Zahidul Islam (2020): Culture as the reflection of a society: A sociolinguistics phenomenon. – *Journal of Creative Writing* 4(1): 20-32.
- [8] Muhammad Takari (2018): Konsep kebudayaan dalam Islam. – *Seminar Islam in Southeast Asia* 15p.
- [9] Page, M.J., McKenzie, J.E., Bossuyt, P.M., Boutron, I., Hoffmann, T.C., Mulrow, C.D., Shamseer, L., Tetzlaff, J.M., Akl, E.A., Brennan, S.E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J.M., Hróbjartsson, A., Lalu, M.M., Li, T., Loder, E.W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., McGuinness, L.A., Stewart, L.A., Thomas, J., Tricco, A.C., Welch, V.A., Whiting, P., Moher, D. (2021): The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. – *BMJ* 372: 9p.
- [10] Rybak, O. (2018): Theoretical basis of cultural value orientations. – *Visnyk of the Lviv University. Series Psychological Science* 2: 109-117.
- [11] Saraswathy Pormalu @ Perumal (2018): Nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen Puccaram dan Agrinai Vaarisu. – *Universiti Putra Malaysia, Serdang* 379p.
- [12] Teuku Mahmud (2020): Analisis nilai budaya dalam Hikayat Banta Amat Jilid I dan II karya T.A. Sakti. – *Jurnal Metamorfosa* 8(2): 231-244.
- [13] Yeganeh, H. (2021): Orality, literacy and the “great divide” in cultural values. – *International Journal of Sociology and Social Policy* 42(5/6): 564-582.